

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9 March 2016

'Sudahlah, cukuplah Tun M'

u.m. - 9/3/2016

KUALA LUMPUR 8 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad diminta menghentikan segala tindakan dan agendanya untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melalui jalan salah.

Ahli Parlimen Sibuti, Ahmad Lai Bujang berkata, jika bekas Perdana Menteri itu tetap mahu meneruskan kempen selepas mengadakan majlis deklarasi bersama pakatan



AHMAD LAI BUJANG

pembang-
kang, be-
liau di-
ingatka
n agar ti-
dak da-
tang ke
Sara wak
y a n g
dikhuat-
iri bole-
h m e n g -
gan-
gu ke-
harmoni-
an ne-
geri itu.

Jelas beliau, sebagai negarawan ulung, beliau sepatutnya mengajak rakyat untuk terus bersatu menyokong kepimpinan kerajaan sedia ada sebagaimana yang sering dilaungkan pada era pemerintahannya.

"Saya mohon Tun Mahathir sudahlah, cukuplah (berbuat begitu) supaya kita semua rakyat Malaysia aman, damai dan harmoni.

"Dahulu Tun Mahathir pernah melawat kawasan saya (Sibuti, Sarawak) memberikan ilham supaya kita bersatu kerana negeri ini diganggu-gugat oleh komunis.

"Sekarang negeri ini sudah aman dan sentosa. Saya harap jangan perkara ini dibawa pergi ke Sarawak. Saya merayu Tun berhentilah, cukuplah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mencadangkan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada perbahasan sidang Dewan Rakyat hari ini.

Jumaat lepas, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir adalah antara 58 orang yang menandatangani deklarasi menyokong penyingkiran Najib sebagai Perdana Menteri.

Acara menandatangani deklarasi itu yang diketuai Dr. Mahathir, turut disertai Lim Kit Siang daripada DAP, Menteri Besar Selangor, Mohamed Azmin Ali daripada PKR, dan bekas Presiden MCA, Tun Dr. Ling Liong Sik.